

**TERMA RUJUKAN AHLI BERSEKUTU JAWATANKUASA ETIKA PENYELIDIKAN**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

**PENAFIAN**

Dokumen ini berfungsi sebagai rujukan bagi Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP) Universiti Teknologi MARA (UiTM). UiTM tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat kesalahan hasil penggunaan maklumat yang terdapat di dalam dokumen ini.

**1. PENDAHULUAN**

Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP) UiTM telah ditubuhkan pada tahun 2004 dan diluluskan oleh Naib Canselor. Jawatankuasa ini melapor kepada Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU), Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) dan seterusnya kepada Senat UiTM. Berdasarkan Dasar Dan Garis Panduan Etika Penyelidikan Yang Melibatkan Manusia yang telah berkuatkuasa pada 24 Mei 2019, semua penyelidikan yang melibatkan manusia perlu memohon kelulusan etika penyelidikan daripada JEP UiTM. Selaras dengan penguatkuasaan Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan, dijangkakan berlaku peningkatan permohonan penyelidikan berisiko minima (MR) dan pengecualian penilaian etika penyelidikan. Oleh yang demikian, salah satu strategi bagi memantapkan serta melancarkan urusan permohonan kelulusan etika penyelidikan adalah dengan melantik Ahli Bersekutu JEP UiTM.

**2. OBJEKTIF PELANTIKAN**

Objektif lantikan ahli bersekutu adalah untuk:

- I. Membantu JEP UiTM dalam urusan berkaitan permohonan kelulusan etika penyelidikan.
- II. Bertindak selaku pegawai sumber di peringkat kolej / fakulti / cawangan dalam perkara yang melibatkan permohonan etika penyelidikan.
- III. Menyokong tugas dan tanggungjawab Ahli JEP apabila diperlukan.

**3. SYARAT LANTIKAN**

Seseorang yang dilantik sebagai ahli bersekutu perlu:

- I. Berpengalaman dalam penyelidikan dan penyeliaan penyelidikan.
- II. Menjalani latihan yang ditetapkan oleh JEP UiTM.
- III. Menandatangani perjanjian simpan rahsia dan menjaga kerahsiaan berkaitan permohonan, keputusan, maklumat permohonan dan segala yang berkaitan dengan permohonan kelulusan etika penyelidikan.

- IV. Berkecuali dalam melakukan penilaian dan memaklumkan kepada JEP sekiranya terdapat sebarang konflik kepentingan dalam proses melakukan penilaian.
- V. Memberikan notis satu (1) bulan kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) sekiranya ingin meletak jawatan.

#### **4. SKOP PERKHIDMATAN**

- I. Menilai borang permohonan kelulusan etika penyelidikan kategori berisiko minima (MR) dan pengecualian penilaian etika penyelidikan berdasarkan prinsip etika (polisi dan garis panduan semasa);
- II. Mencadangkan kelulusan permohonan etika penyelidikan berisiko minima;
- III. Mencadangkan pengecualian penilaian etika penyelidikan bagi yang layak;
- IV. Menasihati dan menyampaikan maklumat terkini berkaitan JEP kepada jawatankuasa penyelidikan di peringkat kolej/fakulti/cawangan; dan
- V. Boleh menjadi ahli jawatankuasa kerja JEP sekiranya diperlukan.

#### **5. TEMPOH LANTIKAN**

Ahli Bersekutu adalah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) untuk tempoh selama dua (2) tahun.

#### **HUBUNGI**

Sekretariat  
Jawatankuasa Etika Penyelidikan  
Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam  
SELANGOR  
Tel: 6 03-5544 8069/2794  
Fax: 603-55442096  
Emel: [recsecretariat@uitm.edu.my](mailto:recsecretariat@uitm.edu.my)